

**PENGUASAAN *CORE ABILITIES* KURSUS MEKANIK KENDERAAN MOTOR
KALANGAN PELATIH INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA ZON TENGAH**

**MOHMAD ZAIRI BIN RAMLY
SARJANA PENDIDIKAN (TEKNIK DAN VOKASIONAL), UTM (2015)**

Malaysia perlu mempesatkan pembangunan modal insan bertaraf dunia bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Salah satu strategi untuk meningkatkan kemahiran secara radikal ialah melalui peningkatan kebolehpasaran pelatih dengan memberi tumpuan kepada mengurusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti. TEVT (Technical Education and Vocational Training) bertujuan menambah bekalan modal insan berkemahiran di Malaysia melalui penyediaan pendidikan berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dan keupayaan dalam bidang teknikal dan vokasional bagi penyediaan tenaga kerja mahir. Pembolehubah-pembolehubah yang dikaji ialah penguasaan core abilities kursus mekanik kenderaan motor kalangan pelatih institut kemahiran belia negara zon tengah. Kajian ini bersifat deskriptif. Populasi kajian terdiri daripada semua pelatih yang belajar di IKBN yang berada di Zon Negeri Selangor dan Negeri Sembilan, seramai 71 orang pelatih. Soal selidik telah digunakan untuk memungut data kajian. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS dan hasil analisis data dipaparkan dalam bentuk peratusan, kekerapan, min dan ujian-T. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penguasaan pelatih terhadap core abilities menunjukkan prestasi yang tinggi terhadap pengetahuan dan kemahiran, tetapi sederhana terhadap kemudahan fasiliti. Dapatan ini menunjukkan IKBN dan Kementerian Belia dan Sukan perlu melihat kembali modul latihan Core Abilities terhadap kemudahan fasiliti bagi memastikan graduan yang dihasilkan telah dilengkapi dengan kemahiran untuk bekerja. Kementerian Belia dan Sukan juga perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk menambah kursus-kursus yang relevan dengan program supaya kandungan modul menepati kehendak industri.